Koleksi

AMALAN BAIK

INISIATIF PENCEGAHAN RASUAH, INTEGRITI DAN TATAKELOLA

UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS

EDISI TAHUN 2024

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Koleksi

AMALAN BAIK

INISIATIF PENCEGAHAN RASUAH, INTEGRITI DAN TATAKELOLA

UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS

EDISI TAHUN 2024

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

KANDUNGAN

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
- POLISI PEMBERI MAKLUMAT KTMB 1-2

Bank Rakyat
- JAWATANKUASA PENILAIAN MAKLUMAT 3-4

Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.
- *WHISTLEBLOWING POLICY* 5-6

Prolintas Group Of Companies
INISIATIF GOVERNANS 7-8
- POLISI DAN PROSEDUR USAHA WAJAR/ *DUE DILIGENCE POLICY AND PROCEDURE*
- PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN
- *INTEGRITY DECLARATION PLEDGE*

Sabah Urban Development Corporation Sdn Bhd (SUDC)
- POLISI ADUAN INTEGRITI 9-12

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)
- *ANTI-BRIBERY & CORRUPTION* (ABC) *HANDBOOK* 13-14

Export - Import Bank Of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- SOAL SELIDIK - INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTI - RASUAH (IGACS) 15-16

Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN)
INISIATIF GOVERNANS 17-18
- POLISI TIADA HADIAH
- POLISI PEMILIKAN DAN PENGISYTIHARAN HARTA

MIMOS Berhad
- *INTEGRATED ASSURANCE REPORT* (IAR) 19-20

Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
- *INTEGRITY ASSESSMENT TOOL* (IAT) 21-22

Bioeconomy Corporation
- *VENDOR'S INTEGRITY PACT* (VIP) 23-24

Malaysia Airports Holding Berhad
- PENGISYTIHARAN DAN IKRAR INTEGRITI TAHUNAN VENDOR 25-26

RHB Bank Berhad
- AMALAN *DISCLOSURE*-MEKANISME SEMAK DAN IMBANG 27-28

Perak Corporation Berhad
- JAWATANKUASA PELABURAN KUMPULAN (GIC) 29-30

Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU)
- *VENDOR INTEGRITY CHECKLIST* 31-32

Penubuhan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
- POLISI PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI 33-34

KANDUNGAN

Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. (RHSM)
- PANDUAN AMALAN 5P — 35-36

Khazanah Nasional Berhad
INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI — 37-38
- *ANTI-BRIBERY AND CORRUPTION NEWS* (ABC NEWS)
- *E-LEARNING MODULE*
- PROGRAM INDUKSI UNTUK KAKITANGAN BAHARU

IJM Land Berhad (IJM Land)
- *E-LEARNING PROGRAMME: ANTI-BRIBERY & CORRUPTION SYSTEM* — 39-40

Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI — 41-42

Northport (Malaysia) Bhd
INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI — 43-44
- MEDIA CETAK - POSTER
- PERUNTUSAN PENGURUSAN TERTINGGI
- PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI

Velesto Energy Berhad (VEB)
INISIATIF GOVERNANS DAN PENGUKUHAN INTEGRITI — 45-46
- *CORRUPTION - FREE PLEDGE* (CFP) DAN *VENDOR INTEGRITY PLEDGE* (VIP)
- *VELESTO ANTI-CORRUPTION PLAN* (VACP)
- PENILAIAN INTEGRITI TAHUNAN/*INTEGRITY ASSESSMENT*
- PENDEDAHAN INTEGRITI/ *INTEGRITY DISCLOSURE*

Duopharma Biotech Berhad
- PENDIDIKAN INTEGRITI KEPADA PEKERJA DAN PEMBEKAL — 47-48

Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC)
- PROGRAM KESEDARAN WARGA KERJA — 49-50

SD Guthrie
- HARI INTEGRITI SD GUTHRIE — 51-52

EDOTCO Group Sdn Bhd
PRINSIP TERAS " T.R.U.S.T " — 53-55
- IKRAR BEBAS RASUAH
- LAPORAN KEMAMPANAN SYARIKAT
- KENYATAAN PENGURUSAN EDOTCO
- AHLI KORPORAT UNITED NATIONAL GLOBAL COMPACT
- KUMPULAN GOVERNANS, RISIKO DAN PEMATUHAN (GRC)
- PENILAIAN KEMATANGAN PEMATUHAN/*COMPLIANCE MATURITY ASSESSMENT* (CMA)
- GARIS PANDUAN DAN POLISI GOVERNANS DAN ANTIRASUAH
- PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PENGUATKUASAAN BERSISTEMATIK
- LATIHAN ANTIRASUAH BERKALA

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera & Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Buku Koleksi Amalan Baik Inisiatif Pencegahan Rasuah, Integriti dan Tatakelola Unit Integriti & Governans (IGU), Edisi Tahun 2024 dapat disempurnakan penerbitannya. Buku amalan baik ini merupakan kompilasi budaya kerja integriti dan tatakelola yang diamalkan di sektor swasta terutamanya di Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Badan Berkanun (BB).

Kompilasi amalan baik dalam bentuk infografik ini, diekstrak daripada inisiatif dan program integriti yang dikongsi secara sukarela oleh IGU di SBK dan BB yang mana akan dijadikan penanda aras bagi semua program dan aktiviti IGU di seluruh Malaysia dalam menjalankan tugas pembanterasan rasuah dan memperkukuhkan integriti organisasi. Selain itu, buku ini bertujuan untuk mempamerkan segala usaha dan inisiatif pegawai-pegawai IGU dalam mengekang perlakuan rasuah dan pelanggaran etika melalui penganjuran aktiviti-aktiviti pengukuhan integriti serta penambahbaikan sistem dan prosedur organisasi di Malaysia.

Usaha penerbitan buku ini merupakan antara inisiatif YBhg. Datuk Seri Norazlan Bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) yang bertanggungjawab dalam menggalakkan integriti pentadbiran sektor awam dan swasta serta berperanan untuk mengawal selia, memantau dan menyelaras pengurusan integriti agensi melalui mekanisma pelaksanaan Unit Integriti (UI) di Agensi Awam dan IGU di SBK serta BB. Di samping itu, hubungan kerjasama dengan unit-unit berkenaan juga adalah untuk memastikan penjawat awam dan pegawai agensi di bawah SBK sentiasa mengamalkan budaya kerja unggul berlandaskan ciri-ciri moral dan etika yang baik dalam membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelola dan etika organisasi.

Saya berharap buku ini akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam pelaksanaan fungsi teras IGU seperti mana yang diperuntukkan dalam Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No.1 Tahun 2018 Penubuhan Unit Integriti dan Governans (IGU) di Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies* – GLC), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri mengikut kesesuaian dan keperluan organisasi bagi memantapkan lagi pengurusan integriti.

Sekali lagi, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada BPIA dan IGU daripada pelbagai SBK dan BB serta semua pihak yang telah memberikan komitmen secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku koleksi ini. Akhir kalam, saya berharap agar semua IGU akan dapat terus berkongsi segala bentuk penulisan bagi setiap inisiatif dan program syarikat, bagi menyokong usaha penerbitan koleksi amalan baik untuk siri seterusnya di tahun yang akan datang.

Tan Sri Dato' Sri KPj Haji Azam bin Baki
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

IF YOU HAVE KNOWLEDGE, LET OTHERS LIGHT THEIR CANDLES IN IT

" A candles loses nothing by lighting another candles... "

- James Keller -

KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.ktmb.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) KTMB melalui e-mel **integriti@ktmb.com.my**

POLISI PEMBERI MAKLUMAT KTMB

KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (KTMB)



MEDIUM PELAPORAN

WHISTLEBLOWER FORM **secara atas talian menerusi laman web rasmi KTMB,** **HANYA BOLEH DIAKSES dan DISEMAK oleh Ketua Integriti KTMB bagi menjaga KERAHSIAAN MAKLUMAT yang diterima**

https://www.ktmb.com.my/whistleblower.html

TUJUAN POLISI

- Memberi ruang untuk menyampaikan maklumat atau aduan berkaitan kesalahan pelanggaran integriti, jenayah rasuah dan salah guna kuasa
- Melindungi identiti pemberi maklumat/ pengadu dalaman/luaran serta kemudaratan ke atas perkhidmatannya
- Memastikan tindakan segera dapat dijalankan menerusi aktiviti pengesanan dan pengesahan
- Memudahkan kakitangan dan pengguna keretapi untuk menyampaikan maklumat atau aduan berkaitan pelanggaran integriti, jenayah rasuah dan salah guna kuasa
- Menggalakkan kakitangan untuk menjadi pemberi maklumat yang bertanggungjawab serta menyampaikan apa - apa perkara yang menyalahi polisi syarikat atau undang-undang
- Memastikan tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan kelakuan tidak wajar oleh mana-mana pihak

IMPAK

Whistleblower Form berkuat kuasa 15 Disember 2022

28	2023
11	2022
16	2021
3	2020

Peningkatan aduan serta maklumat

Penerimaan aduan/maklumat daripada pengguna kereta api

BANK RAKYAT

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.bankrakyat.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) Bank Rakyat melalui e-mel **integriti@bankrakyat.com.my**

JAWATANKUASA PENILAIAN MAKLUMAT BANK RAKYAT

Jawatankuasa Penilaian Maklumat/ *Information Evaluation Committee* (IEC) adalah bertujuan untuk membantu Jawatankuasa Pengurusan Bank dalam memenuhi tanggungjawab berkanun dan fidusiari berhubung pendedahan maklumat (*whistleblowing disclosure*). Bank Rakyat mewujudkan IEC kerana memandang serius tentang kepentingan kerahsiaan dan penilaian yang telus ke atas setiap aduan yang diterima.

IEC

Berkuat kuasa 22 November 2022

CARTA ALIR IEC



Setiap ahli IEC mempunyai akses penuh dan sama rata untuk semua aduan yang diterima bagi memastikan tiada aduan yang tertinggal tanpa sebarang tindakan. Tanggungjawab membuat keputusan diletakkan kepada Jawatankuasa dan bukan secara individu. Sekiranya didapati salah seorang ahli mempunyai kepentingan atau konflik, ahli tersebut tidak boleh mengambil bahagian dalam perbincangan dan membuat keputusan. Minit Mesyuarat IEC akan diserahkan untuk pemberitahuan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

BORNEO DEVELOPMENT CORPORATION (SABAH) SDN BHD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.bdcsabah.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) BDC melalui e-mel **integrity@bdcsabah.com.my**

WHISTLEBLOWING POLICY

BORNEO DEVELOPMENT CORPORATION (SABAH) SDN BHD

"***WHISTLEBLOWING POLICY***" telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah BDC Sabah dan mula berkuatkuasa sejak 24 Mei 2022. Dasar ini telah diedarkan bagi tujuan menggalakkan kakitangan syarikat dan juga orang luar untuk membuat sebarang laporan berkaitan rasuah dan kegiatan yang boleh menjejaskan prestasi syarikat dan organisasi.

PEMBANGUNAN *WHISTLEBLOWING POLICY*	PELAKSANAAN	TUJUAN
Diperkenalkan dan dilaksanakan oleh **UNIT INTEGRITI BDC Sabah**	**BERKUATKUASA 4MEI 2022** Diluluskan oleh Lembaga Pengarah BDC Sabah	Laporan dan aduan disalurkan dengan **MUDAH** dan **SELAMAT**

PROSES ADUAN / MAKLUMAT



"KAEDAH PELAKSANAAN"

Dilaksanakan secara:

- Dalam Talian
- Bertulis dan Bercetak



Polisi ini menyediakan PERLINDUNGAN dan KERAHSIAAN Pengadu, Pemberi Maklumat atau Individu yang membuat LAPORAN atau ADUAN

MEDIUM PELAPORAN

WHISTLEBLOWING FORM **secara atas talian menerusi laman web rasmi BDC SABAH, BOLEH DIAKSES dengan memuat turun dan menyerahkannya MELALUI**

E-mel:

integrity@bdcsabah.com.my

BORNEO DEVELOPMENT CORPORATION (SABAH) SDN. BHD.
Registration No.199201008829 (240332-X)

WHISTLEBLOWING FORM

STRICTLY CONFIDENTIAL

(*) Denotes mandatory field

Your Contact Information

Name*

NRIC No*

Phone No.* Office Mobile Home

Email address*

Employment details* Position & department *(for employees only)*

Your Disclosure*

Please include details of the person(s) involved, the nature of the allegation, where and when the alleged improper conduct took place. *(Use additional sheets if necessary.)*

Please state the supporting documents, witnesses, or evidence to substantiate your disclosure (if any) to facilitate the investigation. You may also attach the relevant documents. *(Use additional sheets if necessary.)*

CONTOH

PROLINTAS
GROUP OF COMPANIES

PROLINTAS GROUP OF COMPANIES

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.prolintas.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) PROLINTAS melalui e-mel **integrity@prolintas.com.my**

INISIATIF GOVERNANS

PROLINTAS GROUP OF COMPANIES

POLISI DAN PROSEDUR USAHA WAJAR/*DUE DILIGENCE POLICY AND PROCEDURE*

DUE DILIGENCE

Berkuat kuasa pada 2020

MEKANISME KAWALAN

WAJIB !

Untuk semua rakan niaga dan kakitangan

PIHAK DALAMAN
(SARINGAN PRA-PEKERJAAN)

- Pengesahan rekod jenayah
- Pengesahan pendidikan
- Pengesahan rekod kerja

PIHAK LUARAN
(KONTRAK/URUS NIAGA)

- Pematuhan undang-undang
- Kestabilan kewangan
- Struktur korporat
- Reputasi dan potensi risiko

TUJUAN

- Membantu membuat keputusan
- Mengurangkan risiko seperti penipuan, salah nyata atau amalan rasuah
- Melindungi kepentingan syarikat
- Menegakkan integriti dan kemampanan perhubungan
- Tapisan awal sebelum melantik jawatan berprofil tinggi



PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Berkuat kuasa pada 2018



KONFLIK KEPENTINGAN iaitu penyalahgunaan kedudukan seseorang untuk keuntungan sendiri merupakan ancaman besar kepada PROLINTAS.

Untuk meningkatkan nilai ketelusan, akauntabiliti dan integriti, Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (IGD) telah membangunkan Dasar Konflik Kepentingan yang komprehensif.

KAEDAH PELAKSANAAN

Semua kakitangan perlu mengisytiharkan konflik kepentingan setiap tahun

TUJUAN PELAKSANAAN

Kakitangan perlu mengisytiharkan kepentingan, kewangan, hubungan peribadi, kerja sampingan atau keahlian dalam organisasi yang boleh mempengaruhi keputusan profesional

TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL BAGI SEBARANG PELANGGARAN POLISI:

- TURUN PANGKAT
- DENDA
- TINDAKAN UNDANG-UNDANG
- AMARAN BERTULIS
- PENAMATAN KERJA
- POTONGAN GAJI

IMPAK

Polisi ini dibangunkan untuk menerap nilai integriti dan kepercayaan serta meningkatkan ketelusan dan tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan kakitangan dan juga Ahli Lembaga Pengarah PROLINTAS

"INTEGRITY DECLARATION PLEDGE"

Berkuat kuasa pada 2017

Jabatan Integriti dan Governans (IGD) terus konsisten meningkatkan dan menyemai nilai integriti dan etika kerja yang baik dalam kalangan kakitangan termasuk pihak pengurusan melalui pelbagai inisiatif antaranya *Integrity Declaration & Pledge* serta pemakaian lencana integriti.

Pemakaian lencana integriti berfungsi sebagai ultimatum kepada kakitangan, sebagai peringatan bahawa integriti adalah sebahagian daripada DNA mereka dan syarikat.

LENCANA INTEGRITI

"INTEGRITI SAYA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA DNA SAYA."

Inisiatif ini membuktikan tekad dan komitmen teguh kepada rakan niaga bahawa PROLINTAS mempunyai pendirian tegas terhadap nilai integriti yang tidak boleh dikompromi serta mengamalkan tatakelola yang baik melalui mantra:-

"Integrity is my MISSION, my ACTION, my PRIDE: SAY NO TO CORRUPTION"

SABAH URBAN DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.sudc.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) SUDC melalui e-mel **sudcintegriti@gmail.com.my**

POLISI ADUAN INTEGRITI

SABAH URBAN DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

Selaras dengan pelaksanaan Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia (Siri 1 No. 1 Tahun 2018) dan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (MS ISO 37001:2016) SEDCO, SUDC telah mewujudkan Polisi Aduan Integriti yang bertujuan untuk mendorong staf SUDC atau orang awam untuk melaporkan sebarang aduan berkaitan pelanggaran integriti.



OBJEKTIF POLISI

Memberi RUANG kepada staf, pihak berkepentingan atau orang awam untuk MEMBUAT ADUAN berkaitan pelanggaran integriti serta menerangkan HAK, TANGGUNGJAWAB dan PERLINDUNGAN kepada pemberi maklumat

10 KATEGORI KESALAHAN (ADUAN INTEGRITI)

- Salah guna kuasa
- Rasuah (memberi/menerima/menawar/meminta)
- Tidak patuh waktu kerja
- Penyalahgunaan dadah
- Keluar negara tanpa kebenaran
- Pengurusan kewangan yang tidak cekap
- Tidak jujur/tidak amanah/tidak bertanggungjawab
- Membuat tuntutan palsu
- Pembocoran/penyalahgunaan rahsia kerajaan/ maklumat terperingkat
- Penyelewengan harta kerajaan bagi tujuan peribadi

SIASATAN

Aduan yang dilaporkan melalui saluran yang disediakan akan disiasat dengan telus dan adil berdasarkan Prosedur Pengurusan Aduan Integriti SUDC

JAMINAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKUMAT

Pemberi maklumat akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan berkenaan untuk dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010(Akta 711)

- Melindungi maklumat sulit
- Imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah
- Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan

JAMINAN KERAHSIAAN MAKLUMAT

Pengerusi Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) atau Ketua Unit Integriti dan Pegawai Penyiasat sahaja yang dibenarkan untuk mempunyai akses kepada segala maklumat peribadi dan butiran aduan

SALURAN ADUAN INTEGRITI

Telefon | E-mel | Pos ke UI | Peti Aduan

POLISI DAN GARIS PANDUAN PEMBERIAN & PENERIMAAN HADIAH

SABAH URBAN DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

Selaras dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah SUDC telah mewujudkan Polisi dan Garis Panduan Pemberian & Penerimaan Hadiah yang bertujuan untuk memberi panduan berkaitan penerimaan & pemberian hadiah dalam kalangan staf SUDC

OBJEKTIF POLISI

- Memberi panduan berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah oleh kakitangan SUDC ketika menjalankan tugas rasmi dan di luar waktu tugas rasmi
- Memberi amaran kepada pihak yang berurusan dengan SUDC (pembekal/kontraktor) agar tidak memberikan hadiah kepada mana-mana staf SUDC yang berurusan dengan mereka

SKOP POLISI

- BOD
- Pengurusan Tertinggi
- Kontraktor
- Warga Kerja
- Pengurus Bahagian
- Pembekal

LARANGAN PENERIMAAN HADIAH

Dilarang menerima hadiah atau layanan baik daripada pembekal/ kontraktor atau lain-lain

JIKA

- Berkaitan dengan tugas rasmi
- Nilai pemberian tidak sepadan
- Dilakukan dengan niat rasuah

PEMBERIAN HADIAH YANG SUKAR DITOLAK

Pengarah Urusan

UNTUK KELULUSAN

Terima hadiah dan melaporkan secara bertulis kepada

CEO

TANPA KELULUSAN

Nilainya < RM150, berbentuk lencana (*plaque*) atau pennant atau barang-barang kraf tangan bagi bertujuan untuk promosi,barang-barang yang cepat rosak/tidak tahan lama

PENERIMAAN HADIAH YANG TIDAK BERKAITAN DENGAN TUGAS RASMI

Tindakan yang perlu **DIAMBIL** jika penerimaan hadiah yang tidak berkaitan dengan tugas rasmi

JIKA

- Nilai tidak sepadan - melaporkan secara bertulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk kelulusan
- Nilai sepadan - melaporkan secara bertulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif tanpa perlu kelulusan

MAKSUD NILAI HADIAH YANG SEPADAN

- Nilai kurang 1/4 emolumen bulanan/ RM500
- Hadiah sempena persaraan, pertukaran, pertunangan dan perkahwinan
- Hadiah daripada isteri/suami, anak, anak menantu, anak angkat yang sah dari segi undang-undang, ibu/bapa termasuk ibu/bapa mertua, dan adik beradik termasuk sebelah isteri/suami
- Hadiah daripada saudara mara dan rakan-rakan sempena majlis hari jadi, pertunangan dan perkahwinan pegawai/ anak-anak, majlis lain adat resam dan agama
- Hadiah yang cepat rosak dan tidak tahan lama

PENERIMAAN HADIAH YANG MENJADI KESALAHAN

Penerimaan hadiah menjadi kesalahan di bawah undang-undang

JIKA

- Hadiah itu diterima atau diminta secara atau dengan niat rasuah (*corruptly or with corrupt intention*)
- Pemberi mempunyai hubungan rasmi (*not in good faith*)
- Penerimaan dengan niat jenayah (*mens rea*)

PEMBERIAN KERAIAN OLEH PEGAWAI SUDC

Pemberian oleh SUDC kepada Pegawai Awam BOLEH

JIKA

- Tidak mempengaruhi tugas rasminya
- Tidak bercanggah dengan tatakelakuan pegawai awam (PANS. 7, Bahagian D, Perintah Am Negeri Sabah 1982)
- Tidak menjejaskan kuasa dan tanggungjawab pegawai sebagai penjawat awam
- Tidak menimbulkan isu sensitiviti organisasi SUDC
- Tidak menimbulkan isu sensitiviti masyarakat terhadap tanggungjawab pegawai dan perkhidmatan awam

Kekerapan pegawai SUDC memberikan keraian perlu diambil perhatian

PERUNTUKKAN UNDANG-UNDANG

KETIDAKPATUHAN POLISI - KESALAHAN DI BAWAH PERATURAN

- **Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah (PANS) Bil.3/2003;**
- **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;**
- **Seksyen 161, 162 & 165 Kanun Keseksaan**

POLISI *DUE DILIGENCE*

SABAH URBAN DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

SUDC Sdn. Bhd. melaksanakan proses usaha wajar/ *due diligence* atau semakan secara mendalam tahap risiko rasuah ke atas semua pihak/aktiviti yang memerlukan organisasi membuat keputusan berhubung dengan urus niaga tertentu, projek, aktiviti, rakan niaga perniagaan atau kakitangan.

SKOP KETEKUNAN WAJAR

1. Transaksi-transaksi kategori spesifik/ projek/ aktiviti

2. Perancangan atau hubungan spesifik dengan rakan perniagaan

3. Kategori spesifik kakitangan dalam jawatan tertentu

PROSES KETEKUNAN WAJAR

Semakan yang mendalam bagi menentukan tahap risiko rasuah yang wujud dan melaksanakan tindakan yang sewajarnya berdasarkan tahap risiko rasuah yang dikenal pasti

TINDAKAN

Sebarang perkara yang jika dilaksanakan, boleh mendatangkan risiko rasuah yang tinggi hendaklah **DIELAKKAN** atau mengambil pelan tindakan bagi **MENGURANGKAN** tahap risiko tersebut

POLISI TAJAAN

POLISI PEMBERIAN SUMBANGAN, TAJAAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

SUDC telah mewujudkan Polisi dan Garis Panduan Pemberian Sumbangan, Tajaan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang bertujuan untuk memberi panduan dan tatacara kepada kakitangan yang mengurusetia dan pemohon yang berkaitan atau pihak ketiga.

OBJEKTIF POLISI

Sumbangan, tajaan dan tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bertujuan untuk aktiviti atau program seperti berikut:-

- ⇒ Kebajikan:
- ⇒ Pembangunan pendidikan dan pembangunan modal insan
- ⇒ Penjagaan kesihatan
- ⇒ Kesukanan, kesenian dan kebudayaan

TIDAK KEPADA:

- Parti politik
- Pertubuhan atau organisasi
  - ⇒ bertujuan jenayah dan keganasan;
  - ⇒ muflis/disenarai hitam;
  - ⇒ berasaskan keuntungan:
  - ⇒ perjudian, alkohol dan tembakau
- Individu/entiti berlandaskan penipuan, penyelewengan dan *scam*
- Permohonan yang tidak relevan dari semasa ke semasa

بنك معاملات
Bank Muamalat
Better lives, together

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.muamalat.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) BMMB melalui e-mel **feedback@muamalat.com.**

ANTI-BRIBERY & CORRUPTION (ABC) HANDBOOK

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

" TOLERANSI SIFAR TERHADAP RASUAH "

Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB") dan semua anak syarikatnya komited dalam menjalankan perniagaan dengan ketelusan, integriti dan pematuhan ke atas keperluan kawal selia serta amalan tadbir urus korporat yang baik. Selaras dengan komitmen ini, BMMB mengamalkan pendekatan 'toleransi sifar' terhadap semua bentuk rasuah. Semua ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan mesti mematuhi piawaian dan tahap integriti serta akauntabiliti tertinggi dalam melaksanakan tugas mereka.

TUJUAN

- Mendidik dan memperkasakan pengetahuan untuk memupuk tingkah laku beretika
- Memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa
- Memupuk budaya korporat secara proaktif
- Mencegah risiko aktiviti rasuah
- Pematuhan terhadap Seksyen 17A Akta SPRM 2009 yang memperkenalkan konsep Liabiliti Korporat
- Menekankan aspek utama Polisi Anti-Rasuah
- Menekankan garis panduan mengenai Hadiah & Keraian dan Derma & Tajaan
- Mengekalkan piawaian integriti dan ketelusan tertinggi dalam semua aspek operasi

KANDUNGAN *ABC HANDBOOK*

- Pengenalan kepada rasuah
- Ringkasan Seksyen 17A Akta SPRM 2009
- Amalan derma & tajaan yang dibenarkan
- Panduan pengendalian aktiviti hadiah & keraian
- Kepentingan Polisi ABC: COI, surat sokongan, sumbangan politik dan lain-lain
- Pendirian BMMB dalam menentang rasuah
- Platform pertanyaan dan pemberi maklumat untuk melaporkan kesalahan rasuah

IMPAK *ABC HANDBOOK*

- Kakitangan membuat keputusan beretika dalam aktiviti seharian
- Mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang tidak disengajakan
- Kakitangan lebih mahir dalam mengenal pasti dan mencegah potensi rasuah
- Kesedaran yang lebih tinggi menyumbang kepada budaya organisasi berdaya tahan
- Kakitangan berasa lebih selamat dalam melaporkan insiden rasuah
- Memupuk budaya korporat yang mementingkan integriti dan kelakuan beretika
- Meningkatkan kecekapan operasi dan mengurangkan kemungkinan ketidakwajaran

EXIM BANK MALAYSIA

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.exim.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) EXIM Bank melalui e-mel **deptintegrity&investigation@exim.com.my**

SOAL SELIDIK - INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTI-RASUAH (IGACS)

EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD

Borang soal selidik berkenaan "*Integrity, Governance & Anti-Corruption*" (IGAC) merupakan usaha penambahbaikan untuk mengenalpasti kefahaman kakitangan EXIM Bank mengenai integriti, governans dan anti-rasuah serta mengesan kekuatan dan juga kelemahan tadbir urus dalam EXIM Bank.

Borang soal selidik IGAC adalah untuk edaran dalaman (kakitangan EXIM Bank) dan luaran (vendor/pembekal berdaftar) bagi tujuan pengumpulan data, maklumat dan rujukan yang berkaitan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

SOAL SELIDIK - IGACS

Berkuat kuasa pada 30 Oktober 2023

Jabatan Integriti dan Penyiasatan

Soal Selidik IGACS

Kakitangan dan Vendor

Executive Committee (EXCO), Board Audit Committee (BAC)) dan Board of Directors (BOD)

Pembangunan OACP & Memantau Tahap Kefahaman

Dilaksanakan secara atas talian. Diwajibkan untuk semua kakitangan. Jumlah peratusan yang memberikan respons akan dilaporkan kepada EXCO, BAC dan BOD

KAKITANGAN EXIM

Seksyen A	Tahap pemahaman ke atas visi, matlamat dan kepimpinan EXIM Bank
Seksyen B	Tahap pemahaman ke atas rasuah dan korupsi
Seksyen C	Tahap pemahaman ke atas governans dan etika
Seksyen D	Risiko rasuah, Polisi Pemberi Maklumat dan Konflik Berkepentingan
Seksyen E	Pemerhatian di jabatan dan organisasi secara keseluruhan

VENDOR & PEMBEKAL

Seksyen A	Tahap pemahaman ke atas visi, matlamat dan kepimpinan EXIM Bank
Seksyen B	Tahap pemahaman ke atas rasuah dan korupsi
Seksyen C	Tahap pemahaman ke atas governans dan etika
Seksyen D	Risiko rasuah, Polisi Pemberi Maklumat dan Konflik Berkepentingan

IGACS dijalankan setiap tahun bagi memantau tahap kefahaman kakitangan mengenai integriti, governans, dan Anti-Rasuah. Kod etika, polisi dan prosedur dalam EXIM Bank sentiasa dipatuhi sepenuhnya oleh warga kerja serta dipantau secara rapi oleh Ketua Jabatan. Latihan dan kesedaran berterusan dilaksanakan ke arah melahirkan modal insan yang cekap, berkesan dan produktif.

INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA BERHAD (INSKEN)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.insken.gov.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) INSKEN melalui e-mel **integrityunit@insken.com.my**

INISIATIF GOVERNANS

INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA BERHAD (INSKEN)

INSKEN sebuah agensi di bawah kawal selia Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), yang menawarkan inisiatif pembangunan kapasiti usahawan melalui program-program latihan dan bimbingan sangat komited dalam membudayakan integriti dalam membentuk sebuah organisasi ulung dan bebas rasuah di Malaysia. Beberapa program kesedaran integriti dan inisiatif governans telah dilaksanakan oleh Unit Sumber Manusia dan Integriti, INSKEN sebagai bukti keseriusan INSKEN dalam memastikan sentiasa bersih dan bebas daripada sebarang gejala rasuah, dan salah guna kuasa yang boleh memberi imej dan persepsi yang buruk.

POLISI TIADA HADIAH

MELARANG
pemberian dan penerimaan hadiah

Secara langsung atau tidak langsung di dalam dan di luar premis kerja dalam menjalankan tugas rasmi dan urusan perniagaan yang boleh mempengaruhi dalam proses membuat keputusan atau meletakkan pegawai dalam kedudukan konflik atau kemunculan konflik berkepentingan

PUNCA KUASA

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 - Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam

Dalam keadaan tertentu pegawai dibenarkan menerima pemberian hadiah, tertakluk kelulusan Ketua Jabatan seperti yang diperuntukkan di bawah **subperaturan 8.(4)(a), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**

Pegawai INSKEN akan lebih berintegriti dan sentiasa berhati-hati dalam berurusan agar dapat mengelakkan diri dari rasuah

POLISI PEMILIKAN DAN PENGISYTIHARAN HAR-

PANDUAN
mengenai pemilikan dan pengisytiharan harta oleh pegawai awam

Semua pegawai dikehendaki mengisytiharkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan segala harta yang dimiliki olehnya atau isteri atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya

PUNCA KUASA

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bilangan 1 Tahun 2022 mewajibkan semua pegawai untuk membuat pengisytiharan harta bagi memantau pemilikan harta di kalangan pegawai agar dapat membendung gejala rasuah di kalangan pegawai



Menegakkan prinsip integriti dan ketelusan di INSKEN

MIMOS BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.mimos.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) MIMOS melalui e-mel **IntegrityEthics@mimos.my**

INTEGRATED ASSURANCE REPORT (IAR)

MIMOS BERHAD

Integrated Assurance Report (IAR) merupakan satu inisiatif laporan tentang keberkesanan/ prestasi sistem kawalan dalaman melalui mekanisme penilaian kendiri yang dilakukan oleh jabatan-jabatan kawalan seperti *Finance, Program Management Office* dan *Procurement.*

OBJEKTIF IAR



Mengenalpasti kemampuan tahap pematuhan organisasi

Menyedia maklumat berkenaan tahap dan prestasi tadbir urus, penilaian risiko, kawalan dalaman organisasi secara menyeluruh dan penilaian kendiri

PEMBANGUNAN IAR

IAR DILAKSANAKAN SECARA ATAS TALIAN

Senarai semak telah dijalankan secara

MANUAL

Sejak 2018 dan secara

ATAS TALIAN

2020



CARTA ALIR IAR

Menilai dan memantau keberkesanan langkah kawalan dalaman dalam operasi

↓

Menyediakan aku janji Pengurusan/ Pengesahan/ Jaminan terhadap sistem kawalan dalaman MIMOS

↓

Mencadangkan peluang untuk meningkatkan kaedah pengurusan "*Internal Control*" dalam operasi MIMOS

↓

Mempromosikan, menyokong dan meningkatkan budaya " Penilaian Kendiri"

↓

Melalui proses penilaian kendiri tahunan daripada pihak yang terlibat

↓

Berpandukan maklum balas daripada jabatan yang terlibat di dalam IAR

↓

Pembentangan laporan tahunan kepada semua yang terlibat

IMPAK IAR

- Dapat mengenalpasti masalah atau risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif
- Dapat menyemak keupayaan maklumat yang diperoleh daripada penilaian kendiri dan laporan keberkesanan
- Pemerkasaan dan pengagihan akauntabiliti dapat meningkatkan ketelusan melalui pelaporan
- Dapat membina kredibiliti dan kepercayaan pihak berkepentingan untuk mencapai sesuatu matlamat

INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.iwk.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) Indah Water melalui e-mel **headintegriti@iwk.com.my**

INTEGRITY ASSESSMENT TOOL (IAT)

INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD

Integrity Assessment Tool (IAT) merupakan instrumen penilaian yang berkonsepkan pendekatan penilaian kendiri yang mempersiapkan organisasi dengan rangka tindakan untuk penilaian risiko, ruang untuk penambahbaikan dan penunjuk umum berkaitan integriti korporat. Kajian IAT merupakan alat yang akan membantu dalam menilai dan mengukur kemajuan organisasi terhadap integriti korporat di tempat kerja secara formal dan telus.

TUJUAN IAT

1. Mengkaji kesan faktor sosio-demografi terhadap tahap pemahaman dan pengetahuan mengenai rasuah
2. Memahami skop dan pengetahuan mengenai rasuah di kalangan kakitangan
3. Menilai perubahan sikap pekerja terhadap rasuah, kejadian rasuah di peringkat organisasi
4. Menilai keberkesanan organisasi dalam melaksanakan reformasi untuk memerangi aktiviti rasuah

OBJEKTIF IAT

Untuk menilai dan mengukur kemajuan IWK dalam membuat komitmen formal dan telus terhadap etika dan integriti di tempat kerja

TEMPOH IAT

21 - 30 April 2022

PELAKSANA IAT

Universiti Teknologi MARA — Institut Penyelidikan Perakaunan

SAMPEL IAT

1805
Kakitangan IWK setiap peringkat dan jawatan

IAT KOMPONEN SOALAN

Asas (*Foundation*)
Visi & matlamat, Kepimpinan, Sumber-sumber Etika, Pematuhan, Dasar & Peraturan

Budaya Beretika (*Ethical Culture*)
Budaya Organisasi, Tindakan Tatatertib & Ganjaran, Kebertanggungjawaban, Komunikasi Etika, Latihan & Pendidikan Etika

Pengurusan Risiko Etika (*Ethical Risk Management*)
Penilaian Risiko Etika, Pemberitahuan Maklumat, Konflik Kepentingan, Kerahsiaan, Mitigasi Korupsi

DAPATAN IAT 2022

1283 RESPONDEN

Visi & Matlamat	90.05 %
Kepimpinan	85.53 %
Sumber-sumber Etika	82.42 %
Pematuhan, Dasar dan Peraturan	88.34 %
Budaya Organisasi	80.20 %
Tindakan Tatatertib & Ganjaran	76.46 %
Kebertanggungjawaban Organisasi	83.78 %
Komunikasi Etika	83.81 %
Latihan dan Pendidikan Etika	78.78 %
Penilaian Risiko Etika	79.35 %
Pemberitahuan Maklumat	80.02 %
Konflik Berkepentingan	79.92 %
Kerahsiaan	81.15 %
Korupsi	80.76 %

82.18%
SKOR IAT

IWK telah menjalankan amalan semasa terbaik dalam etika dan integriti

BIOECONOMY CORPORATION

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.bioeconomycorporation.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) Bioeconomy Corporation melalui e-mel **Integriti@bioeconomycorporation.my**

VENDOR'S INTEGRITY PACT (VIP)

BIOECONOMY CORPORATION

Bioeconomy Corporation ialah agensi pembangunan utama bagi industri berasaskan bio di Malaysia, di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan objektif Dasar Bioteknologi Negara (NBP), Bioeconomy Corporation sentiasa menjunjung nilai-nilai murni dan mengamalkan integriti dan budaya tadbir urus yang baik dalam menjalankan perniagaan dan operasi. Salah satu inisiatif integriti adalah *Vendor's Integrity Pact* (VIP) iaitu merupakan borang pengisythiran khusus untuk vendor (pembekal, kontraktor, perunding) untuk melaksanakan dan mematuhinya.

- Mematuhi undang-undang, peraturan, dasar yang terpakai, termasuk Akta SPRM 2009
- Mengambil semua langkah untuk mencegah amalan rasuah dalam berurusan dengan syarikat (termasuk pemberian hadiah, dll)
- Memastikan kakitangan, sub-kontraktor atau ejennya mengetahui dan mematuhi peruntukan berkaitan pencegahan rasuah

Pengakuan bertulis oleh Vendor di mana komitmen/dorongan mereka ke atas dasar syarikat mengenai Integriti dan Tadbir Urus dan dalam menentang rasuah

PEMBANGUNAN VIP

VIP adalah sebahagian daripada dokumen yang dibuat di bawah Polisi Integriti & Tadbir Urus di Tempat Kerja Syarikat (Dasar IG) yang dibangunkan oleh IGU dan berkuat kuasa pada Ogos 2020.

Polisi Integriti & Tadbir Urus di Tempat Kerja syarikat (Dasar IG)

Urusan bersama Pihak Ketiga (kakitangan syarikat seharusnya berkomunikasi dengan pihak ketiga mengenai usaha ke arah sifat rasuah/*zero-corruption*)

IGU telah memperkenalkan Borang VIP. Sesi Pengenalan dan pemakaian polisi dilaksanakan oleh IGU kepada pihak ketiga

PELAKSANAAN VIP

Pemilik projek atau unit perniagaan menghantar Borang VIP kepada vendor baharu

Vendor mengisi Borang VIP dengan lengkap dan hantar kepada syarikat

Jabatan Perolehan menyimpan Borang VIP sebagai rekod bagi tujuan memproses bayaran

- Terpakai kepada semua pihak ketiga
- Satu vendor hendaklah melaksanakan satu borang VIP
- Ketidakpatuhan mungkin menjejaskan proses pembayaran
- Sekiranya berlaku pelanggaran pengisytiharan dan komitmen, syarikat berhak untuk menggantung atau menamatkan sebarang perjanjian/kontrak

IMPAK VIP

- Syarikat/kakitangan lebih bijak dalam penerimaan hadiah daripada vendor
- Pemberian hadiah daripada vendor semakin berkurangan
- Vendor peka dengan pematuhan ke atas polisi

MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.malaysiaairports.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) Malaysia Airports melalui e-mel **integriti@malaysiaairports.com.my**

PENGISYTIHARAN DAN IKRAR INTEGRITI TAHUNAN VENDOR

MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD (MAHB)

Pengisytiharan dan Ikrar Integriti Tahunan Vendor adalah inisiatif penambahbaikan pencegahan rasuah Kumpulan Syarikat Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang melibatkan semua pihak yang mempunyai kontrak dengan MAHB.

STAF

Pengisytiharan dan Ikrar Integriti Tahunan Pekerja **2021**

VENDOR

Pengisytiharan dan Ikrar Integriti Tahunan Vendor **2024**

Kumpulan Syarikat MAHB telah mula melaksanakan Pengisytiharan dan Ikrar Integriti Tahunan Pekerja secara atas talian sejak tahun 2021. Tahun 2024 inisiatif yang sama turut dilaksanakan ke atas semua *vendor/* kontraktor MAHB. Dokumen Ikrar yang melibatkan vendor mempunyai klausa akibat daripada kegagalan mematuhi undang-undang pencegahan rasuah dan peraturan serta dasar bagi memastikan bahawa syarikat boleh menggunakan hak-hak tertentu untuk melindungi syarikat jika perlu kelak.

Klausa juga tidak hanya meliputi rasuah tetapi juga apa-apa jenis kesalahan yang berkaitan dengan risiko rasuah termasuk penipuan, penyelewengan, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

PELAKSANA PENGISYTIHARAN DAN IKRAR INTEGRITI TAHUNAN *VENDOR*

VENDOR/ KONTRAKTOR

Diwajibkan kepada semua kontraktor yang aktif di bawah Kumpulan Syarikat MAHB

BHG. PEROLEHAN DAN KONTRAK

- Bekalkan dokumen dalaman yang berkaitan
- Laksana ikrar secara manual (*vendor*/kontraktor perlu tandatangan dokumen ikrar)



BHG. PERKHIDMATAN UNDANG-UNDANG MAHB

- Konsultasi undang-undang



BHG. INTEGRITI KORPORAT MAHB

- Semakan dokumen syarikat
- Pemantauan dan laporan pelaksanaan

KETIDAKPATUHAN PENGISYTIHARAN DAN IKRAR INTEGRITI TAHUNAN *VENDOR*

Kumpulan Syarikat MAHB mempunyai hak mutlak untuk membatalkan/ menamatkan kontrak, perjanjian atau pesanan berhubung dengan sebarang transaksi dengan Kumpulan Syarikat MAHB, tanpa sebarang liabiliti di pihak Kumpulan Syarikat MAHB

Kontraktor juga akan menanggung kerugian Kumpulan Syarikat MAHB terhadap semua kerosakan, kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding dan/atau liabiliti yang timbul daripada atau berkaitan dengan pelanggaran tersebut

Kumpulan Syarikat MAHB boleh menggantung, menyenaraihitamkan atau membatalkan kelayakan kontraktor daripada menyertai sebarang tender semasa atau akan datang untuk sebarang kontrak, perjanjian, pesanan atau projek Kumpulan Syarikat MAHB

IMPAK

PENGISYTIHARAN DAN IKRAR INTEGRITI TAHUNAN VENDOR

Kumpulan Syarikat MAHB dapat menggunakan hak-hak tertentu bagi melindungi syarikat sekiranya perlu. Kepentingan Kumpulan Syarikat MAHB terkawal dari terlibat dengan kontraktor-kontraktor yang terpalit bermasalah atau/ dan dituduh dengan pelanggaran undang-undang berkaitan rasuah.

RHB BANK BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.rhbgroup.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) RHB melalui e-mel **integrity.governance@rhbgroup.com.my**

AMALAN *DISCLOSURE*-MEKANISME SEMAK DAN IMBANG

RHB BANK BERHAD

Sebagai institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, pematuhan serta pemakaian tatakelola oleh RHB adalah berlandaskan pertimbangan kelestarian (*sustainability*)

Sebagai institusi kewangan yang menyumbang kepada:

- Kesejahteraan alam ('E' iaitu *Environment*
- Keseimbangan sosial ('S' iaitu *Social*)
- Pelaksanaan tatakelola ('G' iaitu *Governance*) yang terbaik

Sebagai sebuah Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), RHB mengutamakan kawalan dalaman dalam menangani risiko dan ancaman perniagaan

Sebagai sebuah syarikat awam yang tersenarai di Bursa, RHB juga tertakluk kepada pelbagai peraturan penyenaraian di Bursa Malaysia

AMALAN PENZAHIRAN/ *DISCLOSURE*

Amalan penzahiran atau '*disclosure*' ditekankan RHB sebagai tatakelola baik yang perlu dipraktikkan agar mampu menjadi lebih telus dan sentiasa bertanggungjawab kepada para pemegang taruhnya

- Keputusan Lembaga Pengarah syarikat, yang berlandaskan E.S.G. dizahirkan di dalam laporan tahunan syarikat dan di laman sesawang syarikat
- Menguar-uarkan polisi antirasuah serta mendedahkan proses dan prosedur pemberian maklumat syarikat (*whistleblowing*) di laman sesawang syarikat
- Pengumuman mengenai kedudukan kewangan berpenggal, pertukaran pegawai-pegawai kanan, keputusan penilaian lembaga pengarah dan tarikh mesyuarat agung tahunan
- Pelaporan mengenai langkah-langkah antirasuah dalam menangani dan memerangi isu-isu berkaitan rasuah, fraud dan penyelewengan secara berkala melalui laporan tahunan
- Menguar-uarkan kod etika dan amalan perniagaan di laman sesawang syarikat agar pihak dalaman mahupun luaran dapat mengetahui kod serta amalan etika

IMPAK AMALAN PENZAHIRAN/ *DISCLOSURE*

- Pelabur dan pemegang saham dapat mengakses dan memanfaatkan maklumat penting secara telus dan terkini dari semasa ke semasa
- Membolehkan RHB menjadi entiti yang mampan dan sentiasa berada di landasan yang betul untuk berjaya serta berdaya saing
- RHB menjadi lebih telus dan amalan tatakelola yang dilaksanakan dapat membantu pelabur membuat keputusan yang bijak bagi pelaburan mereka

PENGIKTIRAFAN TERHADAP RHB

2016 - 2023	Penyenaraian di FTSE4Good Bursa Malaysia-penzahiran amalan-amalan ESG yang kukuh
2018, 2019 & 2020	Anugerah Platinum daripada Pinnacle Group International– Kategori Syarikat Paling Baik Ditadbir Urus & Paling Telus
2019	Anugerah 20 Syarikat Senaraian Awam Teratas di peringkat ASEAN-penzahiran tadbir urus korporat
2019, 2020 & 2022	Anugerah Pengiktirafan Industri- Sektor Perkhidmatan Kewangan daripada MSWG Malaysia-ASEAN
2022	Anugerah Kecemerlangan-Tadbir Urus Korporat daripada Cambridge IFA

PERAK CORPORATION BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.perakcorp.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) Perak Corporation Berhad melalui e-mel **igu.pcb@perakcorp.com.my**

JAWATANKUASA PELABURAN KUMPULAN (GIC)

PERAK CORPORATION BERHAD

Jawatankuasa Pelaburan Kumpulan/*Group Investment Committee* (GIC) adalah merupakan jawatankuasa di peringkat Pengurusan Tertinggi yang diberikan tanggungjawab untuk menyemak, menilai serta mengesyorkan kebolehlaksanaan sesuatu projek, pelaburan atau usaha sama, serta perancangan strategik di dalam Perak Corporation Berhad selaras dengan tahap toleransi risiko dan dasar pelaburan syarikat seperti yang dipersetujui oleh Ahli Lembaga Pengarah Perak Corp.

PENUBUHAN GIC

PEMBANGUNAN OACP	RISIKO DIKENAL PASTI	TUBUH GIC 1 MAC 2023	PELAKSANA GIC
OACP Kumpulan Perak Corp 2022-2024	Ketiadaan jawatankuasa dalam menilai kebolehlaksanaan sesuatu projek, pelaburan atau usaha sama sebelum apa-apa keputusan dibuat	Penubuhan GIC di peringkat Pengurusan Tertinggi syarikat bagi menilai kebolehlaksanaan sesuatu projek, pelaburan atau usaha sama sebelum keputusan dibuat	Ketua Pengurusan Prestasi Perniagaan telah dipertanggungjawabkan untuk menjayakan penubuhan GIC, termasuk menyediakan terma rujukan sebagai panduan penubuhan GIC

PELAKSANAAN & FUNGSI GIC

Mesyuarat GIC akan dilaksanakan pada setiap suku tahunan

Ahli-ahli GIC terdiri daripada :

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (Pengerusi)
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
Penasihat Korporat
Ketua Perancangan dan Pelaksanaan Strategik
Ketua Pengurusan Risiko
Ketua Pengurusan Prestasi Perniagaan

SEMAKAN STRATEGI

- Memastikan semua cadangan dan inisiatif yang dicadangkan sejajar dengan pelan strategik syarikat
- Memberikan maklum balas dan/atau panduan tentang pindaan/maklumat tambahan yang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan bagi perkara-perkara yang berkaitan

PEMBANGUNAN HARTANAH

- Membincang dan mencadangkan pengaktifan perbandaran/cadangan projek, kebolehlaksanaan cadangan perniagaan dan pulangan pelaburan, penjualan tanah selaras dengan harga jualan yang telah dicadangkan dan seterusnya membentangkan proposal ke peringkat Ahli Lembaga Pengarah Perak Corp untuk tujuan kelulusan sebelum transaksi penjualan berlaku
- Membincangkan dan menyemak rancangan perniagaan dan jangkaan kebolehlaksanaan pulangan pelaburan berkaitan perniagaan baharu di luar bidang perniagaan semasa

KONTRAK LUAR

- Menyemak, menilai dan mencadangkan kepada Pengurusan Tertinggi tentang kontrak luar yang tidak berkaitan dengan kebiasaan perniagaan Perak Corp yang mempunyai impak seperti:
  - ⇒ menyebabkan syarikat memasuki perniagaan di luar bidang perniagaan semasa
  - ⇒ mengakibatkan syarikat terdedah kepada kuasa pasaran, risiko dan liabiliti di luar kebiasaan perniagaan syarikat

PENGEMASKINIAN KEMAJUAN

- Membincangkan dan menyemak kemajuan semua pelaburan yang dilaksanakan dan yang telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ahli Lembaga Pengarah Perak Corp pada setiap suku tahun
- Membincangkan penemuan dan cadangan daripada Unit Pengurusan Risiko dan pasca pelaburan daripada Unit Audit Dalaman, sekiranya perlu

CADANGAN PELABURAN ATAU PELUPUSAN, LATIHAN KORPORAT DAN SUSUNAN PERNIAGAAN STRATEGIK

- Menyemak, membincangkan dan mencadangkan rangka kerja pelaburan
- Menyemak dan menilai perbelanjaan modal, perolehan, pelupusan, perkongsian dan pengaturan perniagaan
- Menyemak dan menilai kontrak hasil, pajakan jangka panjang dan pengekalan aset

"OUTCOME" GIC

Segala cadangan yang diusulkan akan dibincangkan dan disemak serta keputusan yang dibuat semasa mesyuarat GIC adalah **BERNIAT BAIK** dan untuk **KEPENTINGAN SYARIKAT**, serta tiada **UNSUR KEPENTINGAN PERIBADI.** Seterusnya, keputusan yang dibuat di peringkat GIC akan di bawa ke peringkat Ahli Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan.

SATU

SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.satuwater.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) SATU melalui e-mel **azullaiha@satuwater.com.my**

VENDOR INTEGRITY CHECKLIST

SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD

Vendor Integrity Checklist (VIC) merupakan satu Kaedah Penilaian Tahap Integriti yang dilaksanakan ke atas semua syarikat *vendor*/rakan perniagaan kepada Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) secara atas talian. Bahagian Integriti & Governans SATU (BIG) merupakan pihak urus setia yang akan melaksanakan proses penilaian dan libat urus bersama *vendor* yang mengisi dokumen VIC.

"Kaedah Penilaian Tahap Integriti Vendor"

VIC merupakan satu keperluan untuk membuat penilaian ke atas vendor berkaitan tahap integriti terutama program antirasuah, inisiatif integriti dan governans VIC sebagai salah satu kriteria untuk melayakkan panel vendor SATU

PEMBANGUNAN VIC

Jun 2023
Diperkenalkan oleh Ketua Unit Integriti dan Governans (CIGO) SATU, bekas CIGO di Pengurusan Air Selangor SB

7 September 2023
Dipersetujui oleh Jawatankuasa Lembaga Integriti & Governans (JKLIG) SATU

23 Oktober 2023
Berkuat kuasa pada Hari Libat Urus Bersama Vendor 1.0 SATU

SECARA ATAS TALIAN TIADA KOS TERLIBAT

KEPENTINGAN & IMPAK VIC

- Mempunyai panel vendor yang berintegriti
- Mencegah dari unsur rasuah di dalam urusan perniagaan
- Membantu vendor membangunkan program anti-rasuah, inisiatif berkaitan integriti dan governans
- Inisiatif Tatacara Mencukupi di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan pendedahan kepada vendor yang merupakan rakan sekutu kepada SATU
- Vendor mendapat konsultasi secara percuma daripada BIG SATU bagi meningkatkan tadbir urus yang baik
- Meningkatkan tahap integriti vendor dan mempunyai merit tambahan untuk bersaing dengan syarikat lain di dalam penilaian tender/projek
- Menangani unsur rasuah yang mungkin berlaku di antara warga kerja SATU dan vendor atau pihak berkepentingan

PROSES & CARTA ALIR VIC

BIG menyediakan borang VIC dan edar kepada vendor

↓

Vendor isi borang VIC dan kemukakan kepada BIG

↓

BIG akan membuat penilaian dan penetapan skor

↓

Penetapan skor rendah, sederhana dan tinggi berdasarkan skor tahap integriti vendor

↓

BIG mengadakan Sesi Libat Urus bersama vendor kategori skor rendah dan sederhana - pendedahan dan konsultasi mengenai program anti-rasuah, penyediaan polisi dan lain-lain

WAJIB

Diisi oleh vendor dan salah satu kriteria untuk menjadi panel vendor SATU

54%

60 daripada 112 vendor telah mengisi VIC. Baki vendor yang lain akan diteruskan secara berperingkat

PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.nafas.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) NAFAS melalui e-mel **integriti@nafas.com.my**

POLISI PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

Polisi Pengurusan Risiko Organisasi/ *Enterprise Risk Management* (ERM) *Policy* NAFAS telah dibangunkan dan berkuat kuasa pada 3 September 2020. Punca kuasa pelaksanaan ERM adalah melalui mandat yang diberikan oleh Ahli Jemaah Pengarah (AJP) NAFAS untuk semua kakitangan NAFAS.

Pembangunan ERM ini adalah berpandukan kepada ISO31000:2018 *Risk Management - Guidelines* iaitu piawaian antarabangsa yang menyediakan prinsip dan garis panduan untuk pengurusan risiko organisasi. Garis panduan ini menggariskan pendekatan yang komprehensif untuk mengenal pasti, menganalisis, menilai, merawat, memantau dan menyampaikan risiko di seluruh organisasi di mana memudahkan NAFAS dalam mengenal pasti risiko serta bertindak dengan mewujudkan kawalan dalaman yang tepat.

Proses pembangunan ERM ini melibatkan kerjasama antara Unit Pengurusan Risiko dan Unit Integriti serta komitmen daripada Bahagian-Bahagian dan Syarikat Subsidiari NAFAS dalam membekalkan input-input pembangunan yang komprehensif.

MODEL 3 – GARIS PERTAHANAN



OBJEKTIF POLISI ERM NAFAS

Mengenal pasti, menilai, melaporkan dan memantau **RISIKO YANG SENTIASA BERUBAH** dan mengambil **LANGKAH -LANGKAH KHUSUS** untuk mengurangkan risiko

KEPENTINGAN DAN IMPAK POLISI ERM

Melahirkan budaya kerja yang penuh integriti dan telus serta mengamalkan kawalan risiko yang berkesan

Meminimumkan pendedahan risiko yang boleh membawa kepada kerugian, kebarangkalian ketirisan dan pembaziran

Mengurangkan kes-kes yang dirujuk kepada Unit Integriti berkaitan salah guna kuasa

GAGAL PATUHI POLISI ERM

Kertas cadangan bagi projek/ aktiviti perniagaan baharu **TIDAK DAPAT DIMAJUKAN UNTUK KELULUSAN** dan audit berasaskan risiko tidak dapat dilakukan

HOTEL SERI MALAYSIA®

RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN.BHD. (RHSM)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.serimalaysia.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) RHSM melalui e-mel **aduanintegriti@serimalaysia.com.my**

RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN BHD

PANDUAN AMALAN 5P

RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN.BHD.

Berkuatkuasa pada 01 Januari 2022

Pengurusan RHSM mengambil usaha-usaha untuk memantapkan pengurusan RHSM dengan mengamalkan prinsip Tadbir Urus terbaik

5P merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh RHSM bagi mewujudkan persekitaran yang sihat, selamat dan bebas daripada ketirisan serta rasuah

5P ini berkesan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja

5P berupaya memperkukuhkan Sistem Tadbir Urus dan memberi nilai tambah kepada imej RHSM

PEMATUHAN PROSEDUR PEROLEHAN

Pemilihan kontraktor melalui proses penilaian & sebut harga

- *Bill of Quantity* (BQ) - keperluan spesifikasi projek didokumenkan
- Kontraktor mengemukakan cadangan harga
- Jawatankuasa Sebut Harga akan memilih cadangan yang memenuhi spesifikasi
- Surat tawaran dikeluarkan kepada penyebut harga
- Peringatan: tindakan tegas sekiranya gagal melaksanakan projek mengikut tempoh dan spesifikasi

PEMATUHAN PENGISYTIHARAN HARTA

Kakitangan perlu melaporkan atau menyatakan semua harta dan kekayaan yang dimilikinya

- Lantikan pertama
- Memperoleh harta baharu
- Pelupusan harta
- Dikehendaki oleh syarikat
- Setiap tahun

- Mencegah berlakunya rasuah dan salah guna kuasa
- Mengurangkan peluang berlaku perkara yang tidak beretika
- Mencapai tahap transparensi dan akauntabiliti dalam urusan kewangan
- Mengesan perubahan kekayaan yang tidak wajar atau mencurigakan

PEMATUHAN WAKTU BEKERJA

Perlu mematuhi waktu bekerja mengikut Peraturan 104 (Waktu Bekerja)

Kakitangan tidak dibenarkan berada di kawasan-kawasan seperti berikut semasa waktu bekerja

Ketua Jabatan perlu memantau pergerakan pegawai dengan memastikan mereka mendapat kebenaran sebelum meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja

PEMATUHAN PROSEDUR TEMPAT KERJA BEBAS DADAH (TEKAD)

Mencegah penglibatan kakitangan dalam penagihan dadah

- Memberi pengetahuan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah
- Mendidik mengenai pencegahan penyalahgunaan dadah
- Memberi kemahiran mengurus masalah penyalahgunaan dadah di tempat kerja
- Mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat

PEMATUHAN PROSEDUR PEKERJAAN LUAR

Pekerjaan luar selain pekerjaan hakiki perlu membuat deklarasi mengikut Peraturan 136

Mengisi borang permohonan bagi mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pegawai Eksekutif sebelum melakukan sebarang pekerjaan luar

Memastikan prestasi kerja kakitangan tidak terjejas kerana menjalankan pekerjaan lain

Memastikan kakitangan tidak melakukan pekerjaan lain pada waktu bekerja atau menggunakan harta benda syarikat untuk kegunaan peribadi

IMPAK

Kehadiran lewat merupakan kesalahan yang paling tinggi dilakukan dan kerap dilakukan oleh individu yang sama. Namun, didapati statistik menunjukkan jumlah kes kehadiran lewat bagi tahun 2023 telah berkurangan sebanyak 100 kes berbanding tahun 2022



KHAZANAH NASIONAL

KHAZANAH NASIONAL BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.khazanah.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) Khazanah melalui e-mel **integrity@khazanah.com.my**

KHAZANAH NASIONAL

INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI

KHAZANAH NASIONAL BERHAD

Khazanah Nasional Berhad sebagai dana kekayaan berdaulat negara Malaysia, sentiasa bertindak dengan penuh integriti tanpa kompromi serta terus mengukuhkan rangka kerja yang berkaitan integriti dengan melaksanakan pelbagai program untuk kakitangan, rakan niaga dan syarikat pelaburan melalui Unit Integriti dan Governans (IGU).

"ANTI-BRIBERY AND CORRUPTION NEWS (ABC NEWS)"

"ABC News"
31 May 2019

2 minggu sekali

Edaran melalui e-mel dan Intranet Khazanah

" TRUST "

Prinsip Latihan dan Komunikasi, Garis Panduan Tatacara Mencukupi

Medium komunikasi yang mengandungi buletin dan berita mengenai **INTEGRITI** dan **RASUAH** untuk penambahbaikan dan kesedaran di kalangan kakitangan Khazanah. Inisiatif ini merupakan satu pendekatan daripada Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang diambil dari prinsip "**TRUST**".

IMPAK

- Meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu rasuah dan integriti semasa
- Mencapai matlamat IGU dalam menyampaikan informasi mengenai rasuah dan integriti
- Pendedahan kesan aktiviti rasuah dan risiko seperti denda, penjara dan sebagainya jika disabit kesalahan

PROGRAM INDUKSI UNTUK KAKITANGAN BAHARU

Berkuatkuasa sejak 2019

Topik INTEGRITI sebagai agenda tetap program

Medium komunikasi bersama kakitangan baharu di mana melibatkan sesi suai kenal, perkongsian aspek INTEGRITI dan pembentangan yang akan memberi impak yang tinggi kepada semua.

- Pemahaman budaya kerja organisasi, tatakelola baik, pematuhan, nilai budaya integriti dan tiada toleransi ke atas rasuah
- Memastikan amalan terbaik sentiasa diutamakan untuk keseluruhan tempoh perkhidmatan kakitangan bersama syarikat
- Mengenali fungsi IGU - memudahkan urusan penyaluran maklumat berkaitan integriti

" E-LEARNING MODULE "

" TRUST "

Prinsip Latihan dan Komunikasi, Garis Panduan Tatacara Mencukupi

Modul **PEMATUHAN**
secara atas talian

- Modul ini berkuatkuasa pada 8 Ogos 2022
- Edaran melalui medium komunikasi e-mel
- Tempoh masa ditetapkan untuk menyiapkan modul

80%
Markah minimum

WAJIB bagi semua kakitangan Khazanah untuk melengkapkan modul

Mana-mana kakitangan yang GAGAL MELENGKAPKAN modul tersebut, akan dilaporkan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan untuk Tindakan selanjutnya

IMPAK

Meningkatkan kesedaran berkaitan isu pematuhan

Mencapai matlamat IGU dalam menyampaikan informasi mengenai integriti dan pematuhan

Mewujudkan semangat kompetitif (berasaskan peratusan kelulusan)

IJM LAND

IJM LAND BERHAD (IJM LAND)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.ijm.com** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) IJM Land melalui e-mel **cco@ijm.com**

E-LEARNING PROGRAMME: ANTI-BRIBERY & CORRUPTION SYSTEM

IJM LAND

IJM LAND BERHAD (IJM LAND)

INTEGRITI

" Kami bertindak dengan **PROFESIONALISME** dalam setiap perkara yang kami lakukan dan setiap orang yang berurusan dengan kami, sentiasa **MENUNAIKAN JANJI** kami "

E - Learning ABCS

Program *E– Learning* Anti-Bribery & Corruption System (ABCS) ialah modul tahunan yang wajib untuk dilengkapkan oleh semua pengarah dan pekerja dalam IJM Land. Kandungan *E– Learning* ABCS bertujuan untuk mendidik pekerja sedia ada dan baharu mengenai pendekatan toleransi sifar IJM Land terhadap semua bentuk rasuah. Program ini memastikan pematuhan kepada semua undang-undang yang berkaitan dengan anti-rasuah dan korupsi.

Program ini merupakan salah satu inisiatif " **TRUST** " dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Mengendalikan kursus dalam talian meminimumkan gangguan kepada jadual kerja pekerja.

Berkuat kuasa pada 23 April 2020

Warga IJM Sedia Ada

ABCS e-Learning

Employees Integrity Pledge



Conflict Of Interest Declaration

Warga IJM Baharu

Orientation Programme

ABCS e-Learning

ABCS Awareness

Setiap kakitangan IJM Land memahami dan menggunakan dasar ini dalam kerja harian, dengan menegakkan standard etika dan tingkah laku profesional tertinggi dalam berurusan dengan pelanggan, pemegang saham, rakan perniagaan, pihak ketiga dan rakan sekerja

Kesedaran Integriti IJM Land

Komunikasi dan Latihan

IJM Land memupuk budaya integriti kepada warga kerja dan pihak ketiga melalui komunikasi, latihan dan kempen kesedaran mengenai dasar dan polisi yang mana boleh diakses di laman sesawang dan platform intranet

Komitmen dan Pematuhan

Ikrar Integriti Pengarah dan Ikrar Integriti Pekerja dilaksanakan bagi menunjukkan komitmen organisasi terhadap amalan perniagaan beretika dan tadbir urus korporat yang baik. Sebarang perilaku rasuah perlu disalurkan melalui saluran pemberi maklumat organisasi

Polisi Pemberi Maklumat

Polisi Pemberi Maklumat IJM Land menyediakan proses rasmi untuk pekerja dan pihak ketiga untuk melaporkan kebimbangan mengenai kelakuan tidak beretika, aktiviti menyalahi undang-undang atau bentuk salah laku lain dalam organisasi

PNB

PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.pnb.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) PNB melalui e-mel **integrity@pnb.com.my**

PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI

PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)

" PERSEKITARAN PERNIAGAAN BEBAS RASUAH "

PNB sebagai syarikat pengurusan dana yang terbesar di Malaysia sangat komited dalam mengguna pakai piawaian tertinggi tingkah laku integriti dan etika di setiap aspek aktiviti dan operasi perniagaannya. PNB menerapkan **Persekitaran Perniagaan Bebas Rasuah** daripada segala bentuk rasuah dan suapan, dan mengambil pendirian tegas terhadap perilaku tersebut. PNB telah mencapai pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) pada tahun 2021 di mana ia memperkukuhkan lagi inisiatif untuk mewujudkan persekitaran perniagaan bebas rasuah bertujuan meyakinkan pemegang unit dan pihak berkepentingan akan komitmennya menjalankan perniagaan mengikut tahap integriti, piawaian etika dan akauntabiliti tertinggi.



" TAKLIMAT, PROGRAM & INFO KESEDARAN INTEGRITI "

Meningkatkan kefahaman dan berkongsi ilmu pengetahuan kepada semua warga Kumpulan PNB serta rakan perniagaannya mengenai isu-isu semasa berkaitan integriti, mengenai dasar-dasar antirasuah, berkongsi ilmu dan aktiviti-aktiviti mempromosikan budaya integriti Kumpulan PNB

WAJIB

Kepada semua warga Kumpulan PNB

TEMPOH

Tahunan/ setengah tahun/ suku tahun

MEDIUM

Bersemuka/ Atas Talian

AKTIVITI

TAKLIMAT

E-MEL BERKALA

MINGGU iRAC

Minggu kesedaran berkaitan tadbir urus dan integriti dan etika, pengurusan risiko dan pematuhan melalui forum, diskusi, kuiz atas talian, anugerah iRAC dan video blog iRAC

GLICS *INTEGRITY EVENT* (GIE)

GIE diadakan setahun sekali bersempena Hari Integriti Kebangsaan di mana menjadi platform bagi pengamal-pengamal integriti di kalangan GLIC berkongsi ilmu



E-LEARNING

E-Learning Integrity Module Training bertujuan menilai dan menganalisa kefahaman warga kerja mengenai dasar-dasar Anti-Rasuah dan peruntukan undang-undang berkaitan dengan pencegahan rasuah

VIDEO *BLOG*

IMPAK

Kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan beroperasi secara telus dan berintegriti meningkat

Memahami tugas dan tanggungjawab warga Kumpulan PNB sebagai pemangkin integriti dan pengalak tadbir urus yang baik

Pendedahan ke atas peranan dan fungsi Jabatan Integriti

Hubungan Jabatan Integriti dengan Jabatan lain lebih erat

Hubungan bersama GLICs dan anak-anak syarikat diperkukuhkan

NORTHPORT

A Member of MMC Group

NORTHPORT (MALAYSIA) BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.northport.com.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) Northport melalui e-mel **integrity@northport.com.my**

NORTHPORT
A Member of MMC Group

INISIATIF PENGUKUHAN INTEGRITI

NORTHPORT (MALAYSIA) BHD

"InCITE"
INTEGRITY | CUSTOMER FOCUS | INNOVATION | TEAMWORK | EXCELLENCE
NILAI TERAS...

INOVASI

FOKUS PELANGGAN

INTEGRITI

CEMERLANG

KERJA BERPASUKAN

Pelaksanaan siri latihan serta komunikasi yang berkesan adalah menjadi elemen yang penting dalam Northport untuk memastikan bahawa setiap kakitangan dan rakan niaga memahami dengan jelas tatacara dan tanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif pencegahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dengan berkesan. Northport telah mengatur pelbagai inisiatif pencegahan termasuklah siri latihan dan komunikasi di dalam Pelan Inisiatif Anti-Rasuah Anti-Korupsi (ABAC) 2021-2023 selari dengan Panduan Tatacara Mencukupi menurut sub-seksyen (5) Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

MEDIA CETAK - POSTER

Menyediakan maklumat ABAC dalam bentuk poster yang diedarkan kepada kakitangan melalui e-mel dan juga perkongsian melalui aplikasi *Whatsapp* pada setiap bulan bagi tujuan memantapkan penguasaan, kefahaman serta latihan pematuhan integriti.

PERUTUSAN PENGURUSAN TERTINGGI

Edaran Perutusan Pengurusan Tertinggi (*Message from Top Management*) mengenai rasuah dan penyelewengan kepada kakitangan melalui e-mel, aplikasi *Whatsapp*, serta ditampal pada papan kenyataan bahagian/jabatan.

PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI

"Program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan kakitangan Northport dan pihak pemegang taruh berkenaan integriti perniagaan, sambil menyuburkan komitmen kolektif untuk menentang segala bentuk rasuah dalam organisasi"

- Program ceramah melibatkan tokoh-tokoh berpengalaman sempena Hari Antirasuah Antarabangsa setiap tahun
- Sesi ABAC kepada kakitangan, kontraktor dan pembekal secara berkala
- Sesi keterlibatan ABAC kepada kakitangan dan kontraktor/ pembekal secara berkala
- Ikrar Bebas Rasuah dan pengisytiharan Konflik Kepentingan secara tahunan kepada setiap kakitangan
- Slot ABAC di dalam program induksi kepada pekerja dan kontraktor baharu
- Sesi penerangan mengenai ABAC dan *Whistleblowing* dalam sesi penerangan bidaan tender
- Kolaborasi bersama SPRM menerusi sesi ceramah mengenai liabiliti korporat Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA)

IMPAK

Anugerah Emas Anugerah Integriti, Governans, dan Anti-Rasuah (AIGA) 2022 & 2023

Pelabuhan pertama di Malaysia memperolehi pensijilan ISO 37001 Sistem Pengurusan Anti - Rasuah

Pematuhan terhadap undang-undang anti-rasuah yang mana meningkatkan reputasi dan imej syarikat

VELESTO energy

VELESTO ENERGY BERHAD (VEB)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.velesto.com** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) VEB melalui e-mel **igu@velesto.com**

INISIATIF GOVERNANS DAN PENGUKUHAN INTEGRITI

VELESTO ENERGY BERHAD (VEB)



VELESTO energy

PENCEGAHAN RASUAH

PERNYATAAN DASAR

Kami komited sepenuhnya dalam menerapkan Kod Tatacara Perniagaan dan Etika serta nilai teras kami (iLEAP) dalam menggalakkan budaya integriti, amalan etika yang baik dan tadbir urus korporat yang tinggi di Velesto Energy Berhad ("VELESTO").

Kami tidak akan bertolak ansur terhadap rasuah dalam apa jua bentuk serta aktiviti yang berkaitan; termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengubahan wang haram. Kami juga komited dalam melaksanakan kerja secara profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan perniagaan dan perhubungan di mana sahaja VELESTO dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan Velesto") beroperasi.

Kami akan berusaha mematuhi atau melebihi semua piawaian integriti dan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan serta keperluan yang diguna pakai.

Kami tertakluk untuk mengguna pakai Dasar Pencegahan Rasuah serta Rangka Kerja Integriti dan kami berikrar bahawa:

- Rasuah dalam apa jua bentuk adalah dilarang.
- Pemberian dan penerimaan hadiah, hiburan, pelancongan, derma dan tajaan yang tidak wajar bagi mempengaruhi sesuatu keputusan perniagaan adalah dilarang.
- Bayaran untuk mempermudahkan transaksi dengan pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
- Semua rakan perniagaan, pembekal dan pihak ketiga adalah dilarang sama sekali terlibat dalam rasuah.

Kami akan memastikan bahawa pernyataan dasar ini disebarkan dengan sebaiknya dan difahami dengan jelas dan tepat pada waktunya oleh semua pihak yang berkepentingan.

Megat Zariman Abdul Rahim
Presiden
Velesto Energy Berhad

Tarikh: 25 April 2022

Velesto Energy Berhad (VEB) merupakan syarikat perkhidmatan penyedia penggerudian multinasional bagi sektor industri minyak dan gas yang berpangkalan di Malaysia. VEB sangat mengutamakan budaya integriti, amalan etika yang baik dan tadbir urus korporat yang tinggi dalam syarikatnya. Melalui Unit Integriti, Tadbir Urus dan Pematuhan (IGUC) VEB telah melaksanakan pelbagai inisiatif terutamanya di bawah fungsi Tadbir Urus dan Pengukuhan Integriti dalam usaha untuk menangani isu integriti dengan berkesan, terutamanya yang berkaitan dengan salah laku, pelanggaran tatakelakuan etika, undang-undang dan peraturan, serta dasar dan prosedur syarikat.

1 *CORRUPTION-FREE PLEDGE* (CFP) & *VENDOR INTEGRITY PLEDGE* (VIP)

CFP

Semua kakitangan termasuk Pengarah VEB adalah wajib untuk menandatangani CFP

VIP

Semua pihak ketiga yang ingin memasuki kontrak dengan VEB dikehendaki menandatangani VIP semasa pendaftaran vendor

2 *VELESTO ANTI-CORRUPTION PLAN (VACP)*

Velesto melancarkan Pelan Anti-Rasuah Velesto (VACP) untuk pelan 5 tahun di mana menggariskan 24 inisiatif yang bertujuan menangani isu rasuah, integriti dan tadbir urus.

3 PENILAIAN INTEGRITI TAHUNAN/*INTEGRITY ASSESSMENT*

VEB melalui IGUC melaksanakan Penilaian Integriti Tahunan untuk semua pekerja bagi menilai pemahaman mereka tentang prinsip dan amalan ABAC.

" VELESTO takes a zero – tolerance approach to any form of corruption or bribery which is in contravention of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 " -
Corruption Free Pledge, 7 September 2023

4 PENDEDAHAN INTEGRITI/*INTEGRITY DISCLOSURE*

Latihan Tahunan *Anti-Bribery & Anti-Corruption* (ABAC) untuk semua kakitangan termasuk pekerja pesisir

Edaran *Newsletter* Integriti dan ABAC kepada semua kakitangan, bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman

Pemakluman kepada pihak ketiga mengenai Program ABAC dan keperluan pematuhan melalui laporan tahunan dan laman sesawang

Pendedahan mengenai polisi dan prosedur ABAC kepada semua pekerja melalui sesi latihan, intranet dan Sesi *Town Hall*

DUOPHARMA

DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.duopharmabiotech.com** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) Duopharma melalui e-mel **wanahmadnizam@duopharmabiotech.com**

PENDIDIKAN INTEGRITI KEPADA PEKERJA DAN PEMBEKAL

DUOPHARMA BIOTECH BERHAD

PEKERJA

Pendidikan Integriti melalui ceramah kepada pekerja dilaksanakan untuk semua pekerja sejak tahun 2020. Ia meliputi aspek integriti antaranya berkaitan Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi, Polisi Hadiah dan Hospitaliti, Polisi Pemberian Maklumat dan sebagainya.

PEMBEKAL

Pendidikan Integriti melalui ceramah kepada pembekal Bumiputera dilaksanakan sejak tahun 2022. Program pendidikan meliputi aspek integriti antaranya Polisi Anti-Rasuah dan Anti – Korupsi, Polisi Hadiah dan Hospitaliti, Polisi Pemberian Maklumat serta melibatkan perkongsian pengalaman dan pandangan pihak luar yang boleh dijadikan panduan oleh pembekal.

Konsultan Luar/
Pengurusan Dalaman



Penerangan

Mengukuhkan kefahaman pekerja terhadap topik
INTEGRITI

Atas Talian

Sesi Soal Jawab

Survei/Kuiz

Perbincangan/
Komunikasi Dua Hala

WAJIB

Semua pekerja di setiap peringkat dikehendaki untuk menghadiri program tersebut. Rakaman dibuat untuk setiap sesi dan dikongsikan melalui e-mel kepada semua peserta sebagai rujukan. Polisi-polisi Integriti boleh dirujuk pada laman sesawang syarikat.

IMPAK PENDIDIKAN INTEGRITI

Dapatan audit untuk ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah sejak 2020 hingga 2023

Tiada kepincangan kepatuhan (“*Non Compliance*”)

Penemuan peluang untuk memperbaiki (“*Opportunity For Improvement*”)

Statistik purata kefahaman pekerja terhadap Pendidikan Integriti adalah tinggi iaitu melebihi **90%**

Maklum balas yang baik oleh pembekal Bumiputera terhadap Pendidikan Integriti

KES SPRM

“0”

Tiada berlaku sebarang kes korupsi atau rasuah melibatkan pekerja dan pembekal sepanjang tahun semasa (2023)

MALAYSIA PETROLEUM RESOURCES CORPORATION (MPRC)

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.mprc.gov.my** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) MPRC melalui e-mel **integrity@mprc.gov.my**

PROGRAM KESEDARAN WARGA KERJA

MALAYSIA PETROLEUM RESOURCES CORPORATION (MPRC)

NILAI TERAS

W	i	S	H
WIN-WIN	***INTEGRITY***	***STEWARDSHIP***	***HUMILITY***
Saling menguntungkan semua pihak	**Benar kepada diri sendiri dan jujur dengan orang lain**	Setiap tugas adalah peluang untuk tambah nilai	Menghormati orang lain akan memperkasakan kita untuk membentuk masa depan

KEPENTINGAN PROGRAM KESEDARAN

Selari dengan Nilai Teras " I "

Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang integriti, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara menyeluruh

Mengubah sikap dan kepercayaan orang ramai serta lebih cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku yang sihat

Menggalakkan orang ramai terlibat dalam menyelesaikan masalah dan langkah untuk melindungi diri mereka daripada akibatnya

Mempamerkan komitmen daripada Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan Tertinggi

PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN

PUNCA KUASA

OACP

FUNGSI PENGUKUHAN INTEGRITI

- Setiap suku tahun
- Atas talian/ fizikal
- Semua warga kerja
- Kehadiran wajib
- Ketidakpatuhan– Tatatertib

AGENDA

Kerjasama bersama SPRM, IIM, Penguatkuasaan, Syarikat Berpengalaman

- Seksyen 17A Akta SPRM 2009
- Penyalahgunaan kuasa - konteks Akta SPRM 2009
- Kepentingan Integriti di pejabat
- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010
- Pengalaman syarikat - inisiatif antirasuah

IMPAK

- Peningkatan pengetahuan dan pemahaman isu rasuah
- Peningkatan sokongan dan komitmen warga kerja
- Peningkatan kecenderungan tingkah laku sihat
- Peningkatan langkah mencegah dari isu rasuah
- Peningkatan pematuhan undang-undang dan peraturan pencegahan rasuah
- Contoh yang positif dan mewujudkan budaya kebolehpercayaan dan boleh diharap

SD Guthrie

SD GUTHRIE

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.sdguthrie.com** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) SD Guthrie melalui e-mel **compliance@sdguthrie.com**

HARI INTEGRITI SD GUTHRIE

SD GUTHRIE

Menggalakkan integriti, ketelusan, akauntabiliti dan responsif

Memastikan semak dan imbang yang wajar dalam syarikat

Memupuk tingkah laku perniagaan yang beretika melalui Kod Tatakelakuan Perniagaan

FUNGSI TERAS PENGUKUHAN INTEGRITI

Program Hari Integriti secara tahunan terhadap setiap unit SD Guthrie di dalam dan luar negara Malaysia merupakan komitmen dan kerjasama antara pengurusan tertinggi bersama ketua-ketua jabatan dalam mempergiatkan aktiviti pembudayaan penginstitusian integriti dan menggalakkan warga kerja mempamerkan produktiviti kerja berorientasikan integriti dalam setiap tugas yang dilaksanakan.

TUJUAN

Memberi keutamaan kepada nilai integriti dan secara tidak langsung membentuk persekitaran yang menolak amalan-amalan yang tidak berintegriti termasuk rasuah.

BAGAIMANA DILAKSANAKAN ?

SD GUTHRIE

- Saiz besar
- Cawangan di 11 negara
- Kos tinggi

Hari Integriti Berfasa

Persidangan Kemuncak Integriti

2022 HARI INTEGRITI BERFASA

AGENDA

- Perkongsian tindakan tatatertib
- Contoh kes pelanggaran integriti dalam syarikat
- Keputusan penilaian integriti syarikat tahunan
- Pelanggaran SOP dan polisi semasa
- Nilai-nilai integriti terutamanya di tempat kerja
- Perkongsian kes *whistleblowing*
- Kesan kelakuan tidak berintegriti kepada syarikat
- Perkongsian kisah integriti oleh pekerja
- Kuiz Kod Etika

Secara fizikal/ dalam talian (*online*)

23 Program di bahagian/unit

Melibatkan **2500** kakitangan

Melibatkan **7** negara

PERSIDANGAN KEMUNCAK INTEGRITI 2022

10 JANUARI 2023

- Forum - Isu berkaitan dengan integriti, termasuk keburukan rasuah (Ahli panel dari Rasuah Buster, Transparency International Malaysia dan Tan Sri Lee Lam Thye)
- Ikrar integriti - Pengerusi SD Guthrie
- Pameran - Rasuah Buster & Transparency International Malaysia
- Aktiviti berkaitan Kod Etika Kerja
- Secara fizikal & dalam talian
- Melibatkan 500 peserta

2023 HARI INTEGRITI BERFASA

AGENDA

- Perkongsian tindakan tatatertib
- Erti rasuah dan jenis rasuah dan kes rasuah
- Keputusan penilaian integriti syarikat tahunan
- Pelanggaran SOP dan polisi semasa
- Nilai-nilai integriti
- Integriti di tempat kerja
- Perkongsian kes *whistleblowing*
- Penemuan audit
- Kuiz Kod Etika

Secara fizikal/ dalam talian (*online*)

27 Program di bahagian/unit

Melibatkan **2500** kakitangan

Melibatkan **8** negara

PERSIDANGAN KEMUNCAK INTEGRITI 2023

7 Februari 2024

- Forum - Integriti Bermula Dengan Anda (Panelis Tan Sri Abu Kassim dan Dato' Sri Akhbar Satar)
- Pameran - Center to Combat Corruption & Cronyism (C4 Center)
- Aktiviti berkaitan Kod Etika Kerja
- Pelancaran Kempen Integriti 2024
- Secara fizikal & dalam talian
- Melibatkan anggaran 500 peserta

EDOTCO GROUP SDN BHD

Untuk maklumat lanjut, sila layari **www.edotcogroup.com** atau hubungi Unit Integriti dan Governans (IGU) EDOTCO melalui e-mel **grc@edotcogroup.com**

PRINSIP " T.R.U.S.T "

EDOTCO GROUP SDN BHD

Kumpulan EDOTCO ialah syarikat penyedia perkhidmatan infrastruktur telekomunikasi (sektor perkhidmatan menara) serantau dan bersepadu yang pertama di Asia yang mengendalikan dan mengurus portfolio serantau lebih 58,000 buah menara di seluruh Malaysia, Indonesia, Bangladesh, Kemboja, Sri Lanka, Pakistan, Filipina, Myanmar dan Laos. Sebagai syarikat strategik, EDOTCO bertekad memperkukuhkan tadbir urus dan tatakelola yang baik seiring dengan usaha untuk memberikan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan dan penyelesaian infrastruktur telekomunikasi. Bagi tujuan tersebut EDOTCO telah mempersiapkan organisasi dengan tatacara mencukupi berdasarkan 5 prinsip (T.R.U.S.T).

NILAI UTAMA EDOTCO

" Integriti Tanpa Kompromi"

T KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

IKRAR BEBAS RASUAH

- Dilaksanakan sempena Hari Integriti pada 25 Januari 2022
- Diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
- 755 kakitangan dan anak syarikat di luar negara (bersemuka dan atas talian)

LAPORAN KEMAMPANAN SYARIKAT

- Rangka kerja yang teratur bagi memperkukuh tadbir urus yang baik
- Boleh diakses oleh pihak awam di dalam laman sesawang
- Mengandungi usaha berterusan pihak syarikat dalam membanteras rasuah, governans, elemen alam sekitar dan sosial masyarakat

KENYATAAN PENGURUSAN

" Together, we will build a strong ethos of professionalism, integrity, and ethics, as we head towards our ambition of being a 'Global Top 5 Towerco'

AHLI KORPORAT UNGC

- Syarikat pertama negara sebagai ahli korporat *United National Global Compact* (UNGC)
- Menandatangani Sepuluh Prinsip UNGC yang mencakupi bidang hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan antirasuah

R ANALISA RISIKO

KUMPULAN GOVERNANS, RISIKO DAN PEMATUHAN (GRC)

PERANAN & FUNGSI GRC

Menjalankan analisa risiko rasuah bagi Kumpulan dan juga anak syarikat, sejajar dengan Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan (ERM)

AHLI

- Pengarah
- Ketua Unit Integriti,
- Ketua Unit Governans,
- Ketua Unit OHS,
- Ketua Unit Sekuriti Digital
- Ketua Unit Risiko & Kesinambungan Perniagaan

PEGAWAI PEMATUHAN

- Bangaladesh
- Pakistan
- Kemboja
- Filipina
- Myanmar

PELAPORAN

- Bebas
- Terus kepada BOD

PENILAIAN KEMATANGAN PEMATUHAN (*COMPLIANCE MATURITY ASSESSMENT*)

CMA → **Mengenalpasti penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh syarikat bagi mempertingkatkan lagi tahap piawaian pematuhan**

Kehendak pensijilan

ISO 37001: 2016, Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS)

PRINSIP " T.R.U.S.T "

EDOTCO GROUP SDN BHD

U PELAKSANAAN LANGKAH KAWALAN

GARIS PANDUAN DAN POLISI GOVERNANS DAN ANTIRASUAH



Polisi Anti-rasuah (2023)



Polisi Hadiah, Derma & Sumbangan

Kod Etika Tatakelakuan Pembekal



Polisi Pemberi Maklumat oleh Axiata

Klausa Mandatori Anti-rasuah

- Prosedur Antirasuah
- Garis Panduan Konflik Kepentingan
- Pengisytiharan Konflik Kepentingan
- Dokumen Usaha Wajar (*Due Diligence*)
- Garis Panduan Transaksi Berisiko Tinggi
- Saringan Bebas Latar Belakang Rakan Niaga bagi Transaksi Kritikal
- Daftar Risiko Rasuah
- ISO 37001:2016, ABMS
- Automasi Proses Perolehan berkaitan dengan Transaksi Kritikal

S PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PENGUATKUASAAN BERSISTEMATIK

- Semakan Pematuhan Berkala
- Semakan *Statement of Risk Management & Internal Control*
- Pelaporan IGU Berkala (BOD & SPRM)
- Pelaporan Berkala GDS (BOD)
- Pelaporan Berkala Kesihatan & Keselamatan
- Pelaporan Berkala Privasi Data
- Audit Pengawasan, ISO 37001:2016 ABMS
- Penilaian Keberkesanan Antirasuah
- Input siasatan kepada Audit Dalaman

T LATIHAN DAN KOMUNIKASI

LATIHAN ANTIRASUAH BERKALA → **KUMPULAN SASARAN**

Kakitangan, pembekal & pelanggan, anak syarikat diluar negara

IMPAK "T.R.U.S.T" EDOTCO

- "0" Kes Rasuah
- Peningkatan Kesedaran Antirasuah
- Peningkatan laporan selain kes rasuah
- Peningkatan Penilaian Kematangan Pematuhan

“ INTEGRITI,

PILIHAN DI ANTARA
YANG MANA SELESA DAN
YANG MANA BETUL ”

– Tony Dungy, Uncommon

SEKALUNG PENGHARGAAN

Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada Pegawai BPIA dan semua IGU yang terlibat dalam pembangunan Koleksi Amalan Baik Insiatif Pencegahan Rasuah, Integriti Dan Tatakelola, Unit Integriti & Governans (IGU) Edisi Tahun 2024 dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan keberhasilan dokumen ini. Ucapan terima kasih diucapkan kepada:

Unit Integriti dan Governans (IGU)

- Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)
- Bank Rakyat
- Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.
- Prolintas Group Of Companies
- Sabah Urban Development Corporation Sdn Bhd (SUDC)
- Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)
- Export - Import Bank Of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN)
- MIMOS Berhad
- Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
- Bioeconomy Corporation
- Malaysia Airports Holding Berhad
- RHB Bank Berhad
- Perak Corporation Berhad
- Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU)
- Penubuhan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
- Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. (RHSM)
- Khazanah Nasional Berhad
- IJM Land Berhad (IJM Land)
- Permodalan Nasional Berhad (PNB)
- Northport (Malaysia) Bhd
- Velesto Energy Berhad (VEB)
- Duopharma Biotech Berhad
- Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC)
- SD Guthrie
- EDOTCO Group Sdn Bhd

Pegawai Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM

TPj Lim Bee Kean - Pengarah BPIA

KPKPj Hamidah binti Aziz

PPj R Malarvili a/p Ramachandran

PsK Md Azahar bin Md Ali

Ps Muhammad Azizan bin Mahat

Ps Arifah Syahrulbariah binti Abd Latif

PKPs Zayrena binti Md Yusof

DISEDIAKAN OLEH:

BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI (BPIA)
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Buku ini adalah hak cipta SPRM. Semua kandungan dalam buku ini adalah koleksi amalan baik yang dibangunkan dan berkuatkuasa di organisasi - organisasi seperti mana dinyatakan dalam buku ini. Butiran lanjut mengenai amalan baik dalam dokumen ini boleh diperolehi daripada Unit Integirti dan Governans (IGU) organisasi berkaitan.